

## Ciri Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sahsiah dan Keterampilan

*Characteristics of an Excellent Geography Teacher from the Aspects of Personality and Skills*

**NUR LIYANA HASSAN<sup>1</sup>, MAZDI MARZUKI<sup>2\*</sup>, MOHAMMAD ZOHIR AHMAD @ SHAARI<sup>3</sup> & KAMARUL ISMAIL<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup>Jabatan Geografi dan Alam Sekitar

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

\*Corresponding author: [mazdi@fsk.upsi.edu.my](mailto:mazdi@fsk.upsi.edu.my)

Published online: 29 December 2023

To cite this article: Hassan, N. L., Marzuki, M., Ahmad @ Shaari, M. Z., & Ismail, K. (2023). Ciri Guru

Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sahsiah dan Keterampilan. *GEOGRAFI*, 11(2), 91–107.

<https://doi.org/10.37134/geografi.vol11.2.6.2023>

**ABSTRAK** Guru merupakan insan yang mulia dan mendidik adalah profesion yang dihormati oleh masyarakat. Sehubungan itu, guru perlu cemerlang daripada aspek sahsiah dan keterampilan. Artikel ini menganalisis tentang ciri personaliti guru geografi yang cemerlang dengan memberi fokus kepada aspek sahsiah dan keterampilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Responden yang terlibat ialah pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Geografi) seramai 144 orang. Borang kaji selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden berada dalam tahap yang tinggi untuk tahap sahsiah dan keterampilan personaliti guru untuk semua komponen iaitu aspek diri sendiri dan sosial. Bagi aspek tahap sahsiah personaliti guru geografi yang cemerlang daripada aspek diri sendiri, item guru geografi perlu penampilan menarik untuk meningkatkan tahap keyakinan diri ( $M=4.79$ ,  $S.P=0.41$ ) merupakan item yang paling tinggi. Manakala bagi tahap sahsiah personaliti guru geografi yang cemerlang daripada aspek sosial item guru geografi perlu prihatin kepada murid semasa sesi pengajaran dan pemudahcara ( $M=4.83$ ,  $S.P=0.37$ ) merupakan item paling tinggi. Bagi tahap keterampilan personaliti guru geografi yang cemerlang daripada aspek diri sendiri pula item tertinggi ialah guru geografi perlu menerima perbezaan yang wujud dalam kalangan murid ( $M=4.78$ ,  $S.P=0.42$ ). Untuk tahap keterampilan personaliti guru geografi yang cemerlang daripada aspek sosial pula item tertinggi ialah guru geografi perlu memberi komitmen sepenuhnya ketika melaksanakan tugas walaupun di luar bidang kerjayanya ( $M=4.68$ ,  $S.P=0.47$ ). Justeru, kecemerlangan sahsiah dan kecekapan adalah penting dalam melahirkan tenaga pengajar yang berkelayakan tinggi dalam era globalisasi yang mencabar ini.

**Kata kunci:** guru, guru geografi, cemerlang, sahsiah, keterampilan

**ABSTRACT** Teachers are noble people and teaching is a profession that is respected by the community. Accordingly, teachers need to be excellent in terms of personality and skills. This article analyzes the personality characteristics of excellent geography teachers by focusing on aspects of personality and skills. This study uses a quantitative approach with a survey design. The respondents involved were 144 Bachelor of Education (Geography) students. A survey form is used as a research instrument to collect data. The findings of the study show that the respondents' perception is at a high level for the teacher's personality and personality skills for all components, namely personal and social aspects. For the aspect of the personality level of geography teachers who are excellent from the aspect of themselves, the item that geography teachers need an attractive appearance to increase the level of self-confidence ( $M=4.79$ ,  $S.P=0.41$ ) is the highest item. While for the personality level of geography teachers who excel from the social aspect, the item geography teachers need to be attentive to students during teaching and facilitation sessions ( $M=4.83$ ,  $S.P=0.37$ ) is the highest item. For the level of personality skills of geography teachers who are excellent from their own aspects, the highest item is that geography teachers need to accept the differences that exist among students ( $M=4.78$ ,  $S.P=0.42$ ). For the level of personality skills of geography teachers who are excellent from a social aspect, the highest item is that geography teachers need to give full commitment when performing tasks even outside their career field ( $M=4.68$ ,  $S.P=0.47$ ). Thus, character excellence and competence are important in producing highly qualified teaching staff in this challenging era of globalization.

**Keywords:** teacher, geography teacher, excellent, personality, skills

## 1. Pengenalan

Guru merupakan insan yang amat sinonim dengan diri setiap individu. Individu yang menjawat jawatan tertinggi pada hari ini disebabkan oleh pendidik atau guru. Guru dianggap sebagai pemula kepada setiap profesi kerana tanpa didikan guru, seseorang tidak mampu menceburi sesuatu profesi (Zamri & Anita, 2020). Darjah atau kedudukan guru dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat. Pandangan ini disokong oleh Baharin & Hasnita (2010) bahawa profesi perguruan merupakan profesi yang dipandang mulia dan dihormati oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana seseorang yang dapat memasuki bidang perguruan ditapis sebaik mungkin sebelum diterima masuk ke institusi latihan perguruan. Pendapat ini diakui oleh Martin (2008) bahawa kualiti profesional individu diukur melalui kualiti peribadinya.

Menurut Unit Perancang Ekonomi (2010, dalam Mahaya, 2016), kualiti seseorang guru amat dititikberatkan dan ia telah digariskan sebagai matlamat dan fokus utama program pendidikan guru di Malaysia. Hal ini demikian kerana bakal guru yang dibentuk kelak memiliki standard kualiti yang bertepatan dengan agama. Zakaria *et al.* (2012) menyatakan bahawa insan berperikemanusiaan dilahirkan melalui penerapan pendidikan yang merangkumi kognitif, fizikal dan roh. Bagi merealisasikan aspirasi negara ini, pembangunan insan dalam diri guru terutamanya bakal guru perlu diteliti secara telus.

Profesionalisme guru bukan sahaja terletak pada bidang perguruan yang diceburi dan ilmu pengetahuan yang dituntutnya semata-mata. Namun, guru juga amat ditekankan untuk memiliki personaliti atau sahsiah mulia agar profesi perguruan terus disanjung tinggi oleh masyarakat. Pendapat ini juga ditekankan oleh Khadijah & Zamri (2020) iaitu tanggungjawab guru tidak terhad kepada proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) malah guru bertanggungjawab untuk membentuk nilai sahsiah yang baik dalam diri murid-murid. Menurut Khadijah & Zamri (2020) lagi, guru berperanan untuk menunjukkan contoh yang baik seperti menjaga etika pemakaian, berkelakuan baik, bersopan santun dan sebagainya. Oleh itu, guru perlu ditekankan dengan penerapan sahsiah dan keterampilan untuk menjadi guru yang cemerlang agar tampak lebih yakin dan dihormati. Bagi menjayakan hasrat ini, institusi yang melatih bakal guru mestilah mengembangkan sepenuh tenaga untuk mendidik bakal-bakal pendidik yang berkualiti dari segi penyampaian ilmu dan peribadi mulia. Menurut Saedah & Mohammed Sani (2012), guru-guru profesional dan berkaliber dilahirkan melalui program-program latihan perguruan yang bersistematik dan berkualiti. Hal ini demikian kerana guru haruslah dididik dengan cara yang profesional kerana kursus ini memerlukan kemahiran khusus dan tidak boleh sewenang-wenangnya dikendalikan oleh seseorang yang bukan bidang perguruan.

Pendidik mahupun bakal pendidik semestinya memiliki perwatakan seorang pendidik yang berwibawa kerana insan ini menggalas tanggungjawab besar dalam kariernya. Perwatakan seseorang murid mencerminkan perwatakan gurunya kerana guru adalah *role model* kepada murid-murid dan masyarakat sekeliling. Khairul Anuar (2012) turut menyatakan keperibadian guru yang baik haruslah sentiasa dijaga kerana ia banyak mempengaruhi murid sekali gus dapat melahirkan murid cemerlang secara holistik. Penanda aras bagi profesionalisme guru juga terletak pada personalitinya (Solahuddin & Nor Azzuwal, 2017). Ciri-ciri personaliti yang sepatutnya terdapat pada diri pendidik atau bakal pendidik ialah sahsiah, tingkah laku, cara berinteraksi, kematangan, berketerampilan, kewibawaan guru, berpakaian kemas, berwajah manis, sopan, berkeyakinan tinggi, berbudi bahasa, jujur, ceria dan mesra walau di mana dia berada bagi mencerminkan dirinya sebagai seorang guru (Azilah, 2010). Dalam kajian Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini (2018), penampilan guru yang bersesuaian akan menampakkan diri guru elok berpakaian, cara berjalan, sikap, perhiasan dan sopan. Melalui penampilan unggul ini juga dapat membantu guru merasai dikagumi, disayangi dan dicintai oleh murid-muridnya. Malah, sebagai seorang guru, bukan penampilan semata-mata yang dititikberatkan bahkan kemahiran komunikasi, tingkah laku dan emosi turut perlu ada dalam dirinya (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini, 2018). Personaliti guru Geografi yang cemerlang mestilah memiliki ciri-ciri tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana guru yang cemerlang dalam aspek sahsiah dan keterampilan dapat menarik minat murid-murid untuk menjalankan sesi PdPc.

Namun begitu, pada era globalisasi ini didapati bahawa pengabaian penampilan diri, kurang bermotivasi dan sering menggunakan bahasa kasar merupakan sikap tidak profesional seorang guru (Mohd Fahridzakki & Zuria, 2019). Sikap guru sebegini akan menyebabkan minat murid untuk belajar semakin berkurang dan menganggap subjek yang diajar oleh guru tersebut susah dipelajari. Menurut Mohd Fahridzakki & Zuria (2019) lagi, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan guru terhadap kepentingan personaliti mencetuskan rasa tidak berminat murid terhadap teknik pengajaran guru. Perkara ini tidak boleh dipandang mudah kerana personaliti mempengaruhi segala yang ada pada diri seseorang guru.

Selain itu, dalam kajian Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman (2010) menjelaskan bahawa guru yang kekurangan ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajarinya akan menyebabkan guru tersebut mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah. Menurutnya lagi, ilmu pengetahuan yang cetek juga akan mengakibatkan murid-murid kurang percaya akan penyampaian isi pelajaran yang diberikan oleh gurunya. Sehubungan dengan itu, bagi mengisi jurang kajian terdahulu maka kajian ini akan memfokuskan tentang persepsi mahasiswa UPSI terhadap ciri-ciri personaliti guru Geografi yang cemerlang. Melalui kajian ini juga diharapkan bakal guru Geografi dapat menerapkan ciri-ciri personaliti guru Geografi yang cemerlang demi meningkatkan martabat kedudukan guru Geografi.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1 Sahsiah

Kajian Solahuddin & Nor Azzuwal (2017) menjelaskan bahawa keefisienan kerja disebabkan oleh personaliti yang ada pada diri setiap orang. Kajian ini juga berkonsepkan teoritikal yang menganalisis ciri-ciri asas dalam membentuk personaliti pendidik. Kajian ini turut menggunakan piawaian yang ditetapkan oleh al-Quran, Hadith, pandangan tokoh Islam dan kajian konseptual serta empirikal. Berdasarkan daptatan kajian, dapat dilihat bahawa ciri-ciri pembentukan personaliti guru terhadap tugasnya ialah pembacaan dan penghayatan al-Quran, penyucian jiwa, pemindahan ilmu dan pembudayaan kebijaksanaan (Abdul Muhsein, 2014). Pendidik mestilah berpegang teguh dengan personaliti yang berlandaskan nilai-nilai agama atau berunsur positif seperti sabar, ikhlas dan gigih dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Nilai-nilai negatif seperti bermaksiat, menipu dan tidak bertanggungjawab perlu dihindari oleh para pendidik. Oleh itu, nilai-nilai berlandaskan agama merupakan ciri personaliti guru yang cemerlang pada masa akan datang. Kajian Rosy *et al.* (2020) mendapati bahawa ciri seseorang pendidik diteliti menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual, pemerhatian dan tinjauan dianalisis. Kajian ini menggunakan Model The Big Five Personality untuk menerangkan ciri personaliti guru yang berkualiti. Dapatkan kajian yang diperoleh menunjukkan tiga ciri personaliti berkualiti yang perlu ada pada diri pendidik iaitu

keterbukaan, berhati-hati, ekstroversi dan menyenangkan. Ciri personaliti keterbukaan kepada pengalaman seperti guru berperwatakan tenang, mesra, bertanggungjawab, teliti dan mempunyai inkuiiri yang tinggi terhadap perkara baharu. Personaliti kedua yang terdapat dalam dapatan kajian ini ialah sifat berhati-hati merangkumi personaliti yang teliti, bekerja keras, menepati waktu, sabar, teratur dan bercita-cita tinggi. Ciri personaliti yang ditemui dalam kajian ini juga adalah personaliti ekstroversi menunjukkan guru yang suka bergaul dengan murid, bersikap prihatin dan positif terhadap sesuatu perkara.

## 2.2 Keterampilan

Keterampilan merupakan ciri yang semestinya ada pada diri seseorang guru. Oleh itu, pendekatan hubungan elemen nilai terhadap kompetensi guru pelatih ini juga menjadi salah satu asas yang cuba diketengahkan oleh Hafizan dan Mohamad Marzuqi (2022). Penampilan seseorang guru mencerminkan karakter, oleh sebab itu pendidikan yang ditekankan dalam Islam adalah untuk menumpukan insan yang seimbang yang dapat menghubungkan persamaan dalam tindakan disertakan dengan kepatuhan kepada agama. Justeru itu, sangat wajar elemen ini dijadikan sebagai konsep utama kerana perkara ini dapat dijadikan panduan oleh guru yang mana akan dapat dijadikan sebagai tugas bagi seorang guru dalam proses PdPc yang merangkumi pengetahuan dan bidang kemahiran mengajar kelak. Dalam kajian Yulia Siska (2011) pula membincangkan keterampilan sosial dalam diri seseorang. Keterampilan sosial ini perlu diasah dalam diri mahasiswa agar mereka tidak berasa kekok semasa berhadapan dengan masyarakat. Keterampilan sosial yang ditekankan dalam diri bakal guru kerana mereka bekerja dengan masyarakat iaitu murid. Guru mempunyai banyak komitmen untuk berhadapan dengan masyarakat menyebabkan mereka perlu mempunyai keterampilan ini. Hal ini untuk memastikan mereka tidak berasa keterbatasan dalam bersosial. Mereka harus memiliki kecekapan tersebut agar mereka dapat mengendalikan sesi PdPc, perjumpaan ibu bapa, rakan sejawat dan pihak pentadbir dengan lancar tanpa ada sebarang ketakutan atau kurang yakin dalam tindakannya.

Selain itu, keterampilan sosial juga penting semasa melangsungkan sesi PdPc. Berdasarkan kajian Elvri Teresia (2018), dalam proses PdPc memerlukan guru yang berketerampilan sosial kerana guru merupakan insan yang memegang watak utama di dalam bilik darjah. Guru menjadi tunjang kepada pemberian ilmu pengetahuan kepada murid. Sekiranya guru tidak mempunyai keterampilan sosial, guru mungkin dibuli oleh murid-murid. Guru perlu bijak bersosialisasi untuk meningkatkan tahap keyakinan diri serta orang yang berinteraksi dengannya. Hal ini disebabkan oleh guru dilihat sebagai seorang yang menyampaikan ilmu dan hebat hubungan sosialnya walau di mana guru berada.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk analisis tinjauan deskriptif. Bidang penyelidikan sering menggunakan kajian berbentuk deskriptif untuk mengumpul data (Azizi, 2006). Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data. Menurut Fadillah & Adibah (2021), kaedah yang paling popular dalam menjalankan kajian adalah menggunakan borang soal selidik. Kajian ini juga menggunakan pensampelan rawak mudah untuk menentukan responden bagi mengedarkan borang soal selidik. Noraini (2013) menjelaskan bahawa setiap ahli populasi yang dipilih akan mendapat peluang yang sama untuk menjadi responden apabila menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Saiz sampel kajian ini menggunakan jadual penentu saiz sampel Krejcie & Morgan (1970). Populasi kajian ini telah menyasarkan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Geografi dengan Kepujian yang menuntut di UPSI. Populasi kajian ini hanya terdiri daripada tiga semester sahaja iaitu semester dua, semester lima dan semester tujuh. Kajian ini juga bertujuan untuk memastikan mahasiswa ini memperlengkапkan diri dengan personaliti sebagai seorang guru Geografi yang cemerlang pada masa akan datang. Jumlah populasi kajian adalah 225 orang mahasiswa dan hanya 144 orang bersamaan 64% yang diambil sebagai sampel.

### 4. Hasil Kajian

#### 4.1 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Sahsiah Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Diri Sendiri

Jadual 1 menunjukkan persepsi mahasiswa ISMP Geografi terhadap tahap sahsiah personaliti guru Geografi yang cemerlang daripada aspek diri sendiri mendapati bahawa pernyataan bagi '*guru Geografi perlu berpenampilan menarik untuk meningkatkan tahap keyakinan dirinya*' mencatatkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.79 dengan sisihan piawai sebanyak 0.41. Bilangan responden yang menjawab sangat setuju seramai 114 orang bersamaan 79.2% dan seramai 30 orang bersamaan 20.8% telah memilih setuju. Selain itu, min purata kedua tertinggi ialah pernyataan '*guru Geografi perlu yakin dengan kemampuan diri dalam melakukan sesuatu perkara*' iaitu 4.75 dengan sisihan piawai sebanyak 0.45. Seramai 109 orang responden dengan nilai peratusan iaitu 75.7% telah menjawab sangat setuju manakala seramai 34 orang responden bersamaan 23.6% menjawab setuju. Pernyataan ini hanya mendapat seorang responden sahaja yang menjawab sederhana setuju bersamaan 0.7%. Seterusnya, bagi min purata ketiga tertinggi merekodkan dua pernyataan iaitu '*guru Geografi perlu amanah terhadap tugas yang diberikan*' dan '*guru Geografi perlu berfikiran positif walaupun perlu belajar perkara baharu berkaitan Geografi*' iaitu 4.74 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.44. Pernyataan ini masing-masing mencatatkan 106 orang responden yang

menjawab sangat setuju bersamaan 73.6% dan 38 orang responden yang menjawab setuju bersamaan 26.4%.

Jadual 1: *Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Sahsiah Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Diri Sendiri*

Item	Kekerapan/Peratusan					Min	SP
	1 ST	2 TS	3 SS	4 S	5 SS		
	S						
Guru Geografi perlu:							
Berpenampilan menarik untuk meningkatkan tahap keyakinan dirinya.	0	0	0	30 (20.8%)	114 (79.2%)	4.79	0.41
Sentiasa memperbaharui niat setiap kali memulakan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).	0	0	5 (3.5%)	54 (37.5%)	85 (59%)	4.56	0.56
Amanah terhadap tugas yang diberikan.	0	0	0	38 (26.4%)	106 (73.6%)	4.74	0.44
Berfikiran positif walaupun perlu belajar perkara baharu berkaitan Geografi.	0	0	1 (0.7%)	34 (23.6%)	109 (75.7%)	4.75	0.45
Yakin dengan kemampuan diri dalam melakukan sesuatu perkara.							

Akhir sekali, pernyataan '*guru Geografi perlu sentiasa memperbaharui niat setiap kali memulakan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)*' mencatatkan min purata paling rendah dalam sahsiah aspek diri sendiri iaitu 4.56 dengan sisihan piawai sebanyak 0.56. Responden yang menjawab sangat setuju dalam pernyataan ini seramai 85 orang bersamaan 59% manakala responden yang menjawab setuju seramai 54 orang bersamaan 37.5%. Bagi jawapan sederhana setuju pula merekodkan 5 orang responden bersamaan 3.5%.

#### **4.2 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Sahsiah Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sosial**

Jadual 2 pula menunjukkan dapatan persepsi mahasiswa ISMP Geografi terhadap tahap sahsiah personaliti guru geografi yang cemerlang daripada aspek sosial menunjukkan bahawa pernyataan bagi '*guru Geografi perlu prihatin kepada murid-muridnya semasa dalam sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)*' mencatatkan min tertinggi iaitu 4.83 dengan sisihan piawai sebanyak 0.37. Bilangan responden seramai 120 orang (83.3%) telah menjawab sangat setuju manakala seramai 24 orang responden (16.7%) menjawab setuju bagi pernyataan tersebut. Hal ini demikian kerana guru Geografi yang cemerlang perlu prihatin kepada murid-muridnya untuk memupuk minat murid kepada subjek Geografi.

Seterusnya, nilai min purata kedua tertinggi merekodkan 4.80 dengan sisihan piawai sebanyak 0.42 bagi pernyataan '*guru Geografi perlu terbuka untuk menerima sebarang pendapat yang bercanggah dengan pendapatnya*'. Pernyataan ini telah mencatatkan 116 orang responden (80.6%) yang menjawab sangat setuju, 27 orang responden (18.8%) menjawab setuju dan seorang responden (0.7%) menjawab sederhana setuju bagi pernyataan ini.

Di samping itu, pernyataan '*guru Geografi perlu mudah didekati oleh ibu bapa murid*' mencatatkan min purata ketiga tertinggi yang bernilai 4.72 dengan sisihan piawai iaitu 0.48. Seramai 105 orang responden (72.9%) telah menjawab sangat setuju manakala 37 orang responden (25.7%) menjawab setuju pada pernyataan ini. Jawapan bagi sederhana setuju bagi pernyataan ini merekodkan 2 orang responden (1.4%).

Pada pernyataan yang seterusnya merekodkan '*guru Geografi perlu memulakan persahabatan dengan orang yang baru dikenali*' sebagai nilai min purata tertinggi dengan jumlahnya sebanyak 4.63 dengan sisihan piawai iaitu 0.48. Pada jawapan sangat setuju mencatatkan 91 orang responden (63.2%) dan 53 orang responden (36.8%) telah menjawab setuju pada pernyataan ini.

**Jadual 2: Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Sahsiah Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sosial**

Item	Kekerapan/Peratusan					Min	SP
	1 STS	2 TS	3 SS	4 S	5 SS		
Guru Geografi perlu:							
Menyertai program yang berkaitan kemasyarakatan.	0	0	1 (0.7%)	58 (40.3%)	85 (59%)	4.58	0.51
Memulakan persahabatan dengan orang baru dikenali.	0	0	0	53 (36.8%)	91 (63.2%)	4.63	0.48
Mudah didekati oleh ibu bapa murid.	0	0	2 (1.4%)	37 (25.7%)	105 (72.9%)	4.72	0.48
Terbuka untuk menerima sebarang pendapat yang bercanggah dengan pendapatnya.	0	0	1 (0.7%)	27 (18.8%)	116 (80.6%)	4.80	0.42
Prihatin kepada murid-muridnya semasa dalam sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).	0	0	0	24 (16.7%)	120 (83.3%)	4.83	.37
Mesra dengan rakan sejawat bagi mewujudkan suasana harmoni ketika bekerja.	0	0	3 (2.1%)	49 (34%)	92 (63.9%)	4.62	0.53

Nilai min purata bagi pernyataan berikutnya merekodkan sebanyak 4.62 dengan sisihan piawai iaitu 0.53. Pernyataan yang mendapat nilai purata tersebut ialah '*guru Geografi perlu mesra dengan rakan sejawat bagi mewujudkan suasana harmoni ketika bekerja*'. Bilangan responden yang menjawab sangat setuju adalah seramai 92 orang (63.9%), 49 orang responden (34%) menjawab setuju dan 3 orang responden (2.1%) menjawab sederhana setuju.

Akhir sekali, pernyataan '*guru Geografi perlu menyertai program yang berkaitan kemasyarakatan*' mencatatkan nilai min purata yang agak rendah iaitu 4.58 dengan sisihan piawai hanya 0.51. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, pernyataan ini merekodkan bilangan responden seramai 85 orang (59%) menjawab sangat setuju, 58 orang responden (40.3%) menjawab setuju dan seorang responden (0.7%) menjawab sederhana setuju.

#### **4.3 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Keterampilan Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Diri Sendiri**

Berdasarkan dapatan di Jadual 3, persepsi mahasiswa ISMP Geografi terhadap tahap keterampilan personaliti guru geografi yang cemerlang daripada aspek diri sendiri mendapati bahawa pernyataan bagi '*guru Geografi perlu menerima perbezaan yang wujud dalam kalangan murid-murid yang berbeza agama, bangsa, latar belakang dan fahaman*' mencatatkan nilai min purata yang paling tinggi iaitu 4.78 dengan sisihan piawai sebanyak 0.42. Pada pilihan jawapan sangat setuju merekodkan 112 orang responden (77.8%) manakala pada pilihan jawapan setuju mencatatkan 32 (22.2%). Selain itu, min purata kedua tertinggi pula dicatatkan 4.74 dengan sisihan piawai sebanyak 0.44. Nilai ini dicatatkan pada pernyataan '*guru Geografi perlu cekap menyusun jadual waktu harian agar segala urusan dapat diselesaikan dengan kadar segera*'. Seramai 106 orang responden (77.8%) telah menjawab pada pilihan jawapan sangat setuju. Bagi skala pilihan jawapan setuju pula merekodkan seramai 38 orang responden (26.4%).

Seterusnya, pada pernyataan '*guru Geografi perlu merancang Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dengan cara yang kreatif untuk menarik minat murid*' telah merekodkan min purata ketiga tertinggi yang berjumlah 4.71 dengan sisihan piawai sebanyak 0.46. Bilangan responden yang telah menjawab sangat setuju bagi pernyataan ini adalah seramai 102 orang responden (70.8%) manakala 42 orang responden (29.2%) menjawab setuju pada pernyataan ini. Seramai 98 orang responden (68.1%) telah memilih sangat setuju dan seramai 46 orang responden (31.9%) telah menjawab setuju pada pernyataan ini. Tahap min purata bagi pernyataan ini bernilai 4.68 dengan sisihan piawai sebanyak 0.47. Pernyataan tersebut ialah '*guru Geografi perlu bermotivasi tinggi setiap kali melangsungkan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)*'.

Jadual 3: Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Keterampilan Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Diri Sendiri

Item	Kekerapan/Peratusan					Min	SP
	1 STS		3 SS		5 SS		
	2 TS	4 S					
Guru Geografi perlu: Merancang Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dengan cara yang kreatif untuk menarik minat murid.	0	0	0	42	102	4.71	0.46
				(29.2%)	(70.8%)		
Bermotivasi tinggi setiap kali melangsungkan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).	0	0	0	46	98	4.68	0.47
				(31.9%)	(68.1%)		
Menepati waktu apabila memasuki kelas.	0	0	1 (0.7%)	51 (35.4%)	92 (63.9%)	4.63	0.50
Menerima perbezaan yang wujud dalam kalangan murid-murid yang berbeza agama, bangsa, latar belakang dan fahaman.	0	0	0	32 (22.2%)	112 (77.8%)	4.78	0.42
Cekap menyusun jadual waktu harian agar segala urusan dapat diselesaikan dengan kadar segera.	0	0	0	38 (26.4%)	106 (73.6%)	4.74	0.44

Penyataan yang terakhir '*guru Geografi perlu menepati waktu apabila memasuki kelas*' telah mendapat pilihan jawapan sangat setuju seramai 92 orang responden (63.9%) manakala pilihan jawapan setuju memperoleh seramai 51 orang responden (35.4%). Pada pernyataan ini juga terdapat seorang responden (0.7%) telah menjawab sederhana setuju. Nilai min purata bagi pernyataan ini merekodkan 4.63 dengan sisihan piawai yang berjumlah 0.50.

#### **4.4 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Keterampilan Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sosial**

Jadual 4 pulan menunjukkan persepsi mahasiswa ISMP Geografi terhadap tahap keterampilan personaliti guru geografi yang cemerlang. Daripada aspek sosial mendapati bahawa pernyataan ini mendapat jawapan sangat setuju yang paling tinggi iaitu seramai 98 orang responden (68.1%) manakala seramai 46 orang responden (31.9%) telah memilih jawapan setuju. Nilai min purata bagi pernyataan ini juga merekodkan nilai tertinggi berbanding min purata pernyataan lain dengan jumlahnya 4.68. Nilai sisihan piawai bagi pernyataan pula sebanyak 0.47. Pernyataan tersebut adalah '*guru Geografi perlu memberi komitmen sepenuhnya ketika melaksanakan tugas walaupun di luar bidang kerjayanya*'.

Selain itu, nilai min purata kedua tertinggi direkodkan pada pernyataan '*guru Geografi perlu menggunakan bahasa yang sopan bersama murid agar dapat mewujudkan hubungan baik antara guru dan murid*' iaitu sebanyak 4.67 dengan jumlah sisihan piawai yang bernilai 0.47. Bilangan responden yang menjawab sangat setuju pada pernyataan ini seramai 96 orang responden (66.7%) manakala 48 orang responden (33.3%) telah memilih jawapan setuju. Seterusnya, min purata ketiga tertinggi pula bernilai 4.65 dengan sisihan piawai sebanyak 0.48. Pernyataan ini juga memperoleh pilihan jawapan sangat setuju iaitu seramai 93 orang responden (64.6%) manakala 51 orang responden (35.4%) telah memilih setuju. Pernyataan tersebut adalah '*guru Geografi perlu menasihati murid menggunakan nada bersesuaian tanpa adanya emosi yang boleh mewujudkan rasa tidak puas hati*'. Pernyataan berikutnya ialah '*guru Geografi perlu aktif melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan di sekolah*' memperoleh nilai min purata iaitu 4.61 dengan sisihan piawai sebanyak 0.50. Seramai 89 orang responden (61.8%) telah menjawab pernyataan tersebut pada skala likert sangat setuju manakala 54 orang responden (37.5%) menjawab setuju. Pada pernyataan ini hanya ada seorang sahaja responden (0.7%) yang menjawab sederhana setuju.

Akhir sekali, nilai min purata sebanyak 4.49 dengan sisihan piawai sebanyak 0.52 dicatatkan pada pernyataan '*guru Geografi perlu mengetuai kumpulan dalam program yang dianjurkan oleh pihak sekolah*'. Pada skala likert sangat setuju dipilih oleh 71 orang responden (49.3%) manakala skala likert setuju pula 72 orang responden (50%).

Namun begitu, hanya seorang responden sahaja (0.7%) yang memilih skala likert sederhana setuju.

*Jadual 4: Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Keterampilan Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sosial*

Item	Kekerapan/Peratusan					Min	SP
	1 STS	2 TS	3 SS	4 S	5 SS		
Guru Geografi perlu:							
Mengetuai kumpulan dalam program yang dianjurkan oleh pihak sekolah.	0	0	1 (0.7%)	72 (50%)	71 (49.3%)	4.49	0.52
Aktif melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan di sekolah.	0	0	1 (0.7%)	54 (37.5%)	89 (61.8%)	4.61	0.50
Menasihati murid menggunakan nada bersesuaian tanpa adanya emosi yang boleh mewujudkan rasa tidak puas hati.	0	0	0 (35.4%)	51 (64.6%)	93	4.65	0.48
Menggunakan bahasa yang sopan bersama murid agar dapat mewujudkan hubungan baik antara guru dan murid.	0	0	0 (33.3%)	48 (66.7%)	96	4.67	0.47
Memberi komitmen sepenuhnya ketika melaksanakan tugas walaupun di luar bidang kerjaanya.	0	0	0 (31.9%)	46 (68.1%)	98	4.68	0.47

## 5. Perbincangan

### 5.1 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Sahsiah Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Diri Sendiri

Berdasarkan kajian yang dijalankan, item '*guru Geografi perlu berpenampilan menarik untuk meningkatkan tahap keyakinan dirinya*' mencatatkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.79 dengan sisihan piawai sebanyak 0.41. Nilai min yang tinggi menunjukkan persepsi mahasiswa UPSI terhadap tahap sahsiah personaliti guru Geografi yang cemerlang daripada aspek diri sendiri adalah baik. Penampilan menarik mampu memberi persepsi sahsiah yang baik kepada seseorang itu. Perkara ini disokong oleh Erwin (2014) iaitu penampilan mencerminkan keperibadian seseorang. Penampilan akan memberi tanggapan pertama seseorang kepada seseorang. Hal ini demikian kerana penampilan yang baik dapat memberi tanggapan yang baik dan sebaliknya. Tambahan pula, keyakinan diri dapat dibina melalui penampilan diri yang unggul (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini, 2018). Menurutnya lagi, guru mempunyai keyakinan diri yang tinggi disebabkan oleh penampilan diri yang menarik. Oleh itu, mahasiswa UPSI perlu guru Geografi yang cemerlang perlu berpenampilan menarik untuk meningkatkan tahap keyakinan dirinya agar tampil hebat di mata masyarakat.

### 5.2 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Sahsiah Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sosial

Dapatan perbincangan mendapati bahawa pernyataan bagi '*guru Geografi perlu prihatin kepada murid-muridnya semasa dalam sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)*' mencatatkan min tertinggi iaitu 4.83 dengan sisihan piawai sebanyak 0.37. Min mencatatkan nilai yang tinggi menggambarkan mahasiswa UPSI mempunyai persepsi terhadap tahap sahsiah personaliti guru Geografi yang cemerlang daripada aspek sosial iaitu prihatin adalah sewajarnya dimiliki. Sifat prihatin seseorang guru memainkan peranan penting untuk menunjukkan guru mengambil berat tentang keadaan murid-muridnya semasa menjalankan sesi PdPc. Menurut Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini (2018), personaliti guru ketika dalam sesi PdPc mampu memberi impak kepada emosi murid. Menurutnya lagi, tingkah laku guru yang positif lebih digemari oleh murid-murid dan mampu menimbulkan rasa hormat murid kepada gurunya. Hal ini demikian kerana sifat guru yang prihatin mampu menyebabkan murid merasa dihargai oleh gurunya. Murid yang rasa dihargai kebiasaan ingin menunjukkan sikap yang baik demi meraih perhatian gurunya.

### **5.3 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Keterampilan Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Diri Sendiri**

Dapatkan kajian mendapati bahawa pernyataan bagi '*guru Geografi perlu menerima perbezaan yang wujud dalam kalangan murid-murid yang berbeza agama, bangsa, latar belakang dan fahaman*' mencatatkan nilai min purata yang paling tinggi iaitu 4.78 dengan sisihan piawai sebanyak 0.42. Hal ini demikian kerana negara Malaysia mempunyai agama, bangsa, latar belakang dan fahaman yang berbeza. Pandangan ini disokong oleh Mohd Ridhuan Tee (2010) bahawa negara Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang berbeza agama, bahasa, bangsa dan budaya , pembentukan nilai dan perpaduan kaum. Perbezaan ini mendorong seseorang guru perlu bersikap terbuka dengan murid-muridnya tanpa membezakan mereka. Guru perlu menerima segala kekurangan dan kelebihan setiap murid tanpa membezakannya kerana setiap manusia berbeza secara lumrahnya (Elly Manizar, 2015). Oleh itu, guru Geografi yang cemerlang perlu menerima perbezaan tersebut agar murid tidak disishkan dan dibeza-bezakan oleh gurunya. Guru perlu memandang murid menggunakan pandangan yang sama dan tidak boleh bersikap pilih kasih dalam mencerahkan ilmu.

### **5.4 Persepsi Mahasiswa ISMP Geografi terhadap Tahap Keterampilan Personaliti Guru Geografi yang Cemerlang daripada Aspek Sosial**

Menurut Nordin *et al.* (2010), kualiti pendidikan dipengaruhi oleh komitmen guru terhadap bidang tugasnya. Guru yang mempunyai tahap komitmen yang tinggi akan sedaya upaya melakukan tugas dengan cekap dan penuh semangat tanpa memberi alasan (Lily & Muhamad Suhaimi, 2020). Oleh itu, persepsi mahasiswa UPSI terhadap tahap keterampilan personaliti guru Geografi yang cemerlang daripada aspek sosial ini mendapati bahawa pernyataan '*guru Geografi perlu memberi komitmen sepenuhnya ketika melaksanakan tugas walaupun di luar bidang kerjayanya*'. Nilai min purata bagi pernyataan ini merekodkan nilai tertinggi berbanding min purata pernyataan lain dengan jumlahnya 4.68. Nilai sisihan piawai bagi pernyataan ini pula sebanyak 0.47. Melalui pernyataan ini, komitmen guru yang tinggi memberi impak positif kepada pencapaian akademik murid (Musliza *et al.*, 2020).

## **6. Rumusan**

Kesimpulannya, kajian ini telah menjawab persoalan kajian dan mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan keputusan yang memberangsangkan iaitu tahap persepsi mahasiswa UPSI terhadap ciri personaliti guru Geografi yang cemerlang berada pada tahap yang tinggi. Pandangan mahasiswa terhadap ciri personaliti ini mampu memberi impak positif dalam proses pembentukan guru Geografi yang cemerlang. Hal ini demikian kerana persepsi mahasiswa ini telah menunjukkan bahawa mereka inginkan penambahbaikan

personaliti guru Geografi yang cemerlang setelah mereka berkhidmat sebagai pendidik kelak. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu memberi panduan kepada pihak berkepentingan untuk menambahbaik personaliti guru Geografi yang cemerlang dalam kalangan mahasiswa ISMP Geografi supaya dapat melahirkan bakal-bakal guru berkualiti dari segi sahsiah dan keterampilan. Malahan keadaan dunia tanpa sempadan pada masa kini menuntut guru lebih menitikberatkan elemen sahsiah dan keterampilan. Bak kata pantun Melayu:

Orang haji dari Jeddah  
 Buah kurma berlambak-lambak  
 Pekerjaan guru bukanlah mudah  
 Bagai kerja menolak ombak

## 7. Rujukan

- Elly Manizar. (2015). Peran guru sebagai motivator dalam belajar. *Tadrib*, 1(2), 171-188.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*.
- Lily, J., B. & Muhamad Suhaimi Taat. (2020). Budaya sekolah: hubungannya dengan komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(10), 207-216.
- Mahaya Salleh. (2016). Keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti profesional guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) [Ijazah doktor falsafah, Universiti Putra Malaysia]. Malaysian Theses Online.
- Martin, N. (2008). A study of the relationship between personal quality and professional quality [Tesis sarjana sains tidak diterbitkan]. California State University.
- Mohd Fahridzakki Abd Rahman & Zuria Mahmud. (2019). Personaliti guru pelatih institut pendidikan guru. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities*, 1, 159-167. <https://doi.org/10.32698/2158>
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di malaysia: perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musliza Mat Jusoh, Siti Noor Ismail & Anis Salwa Abdullah. (2020). Kepuasan kerja dan komitmen guru sekolah menengah cemerlang di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 77-90.
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw Hill.
- Nordin Abd Razak, Gusti Ngurah Darmawan & Keeves, J.P. (2010). *The influence of culture on teacher commitment. soc. psychology*. 13, 185-205.
- Rosy Talin, Sabariah Sharif, Soon Sigh Bikar Singh & Mohd Shahudin Karim. (2020). Ciri personaliti berkualiti Guru Sejarah Tingkatan Enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 32-39. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.340>

- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard kompetensi guru Malaysia. *Prosiding Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Solahuddin Abdul Hamid & Nor Azzuwal Kila. (2017). Pembentukan personaliti guru agama sebagai role model dalam masyarakat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6), 254 – 263.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2018). Personaliti guru pendidikan Islam dan kesannya terhadap akhlak pelajar: satu tinjauan awal di sekolah menengah daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 59-75.
- Yulia Siska. (2011). Penerapan metode bermain peran (role playing) dalam meningkatkan keterampilan sosial dan keterampilan berbicara anak usia dini. *Edisi Khusus*(2), 31-37.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). Pengenalan tentang profesi keguruan dan pembangunan insan. Dalam Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Eds.), *Profesi keguruan dan pembangunan insan* (pp. 11-17). Universiti Kebangsaan Malaysia.